

KENYATAAN MEDIA  
17 OGOS 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
*(Energy Commission)*  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **ST Terima Pengiktirafan Anugerah Brandlaureate Bestbrands 2022-2023 Kategori *Nation's Pride – Energy Sector Regulation Excellence***

**Putrajaya, 17 Ogos 2023** – Suruhanjaya Tenaga (ST) telah dipilih sebagai pemenang Anugerah Brandlaureate Bestbrands 2022-2023 di bawah kategori *Nation's Pride – Energy Sector Regulation Excellence*. Anugerah tersebut telah disampaikan kepada Ketua Pegawai Operasi ST, Ir. Abdul Rahim bin Ibrahim bagi pihak ST pada Majlis Makan Malam Gala yang dianjurkan oleh The BrandLaureate, badan pengiktiraf jenama dan penjenamaan semalam.

Pengiktirafan ST ini adalah berdasarkan peranannya dalam memartabatkan kecemerlangan pengawalseliaan sektor tenaga negara, terutamanya dalam memacu peralihan tenaga Malaysia ke arah sumber bersih dan Tenaga Boleh Baharu (TBB).

Ir. Abdul Rahim Bin Ibrahim berkata, anugerah berprestij ini merupakan satu penghormatan yang amat besar dan ST akan terus berusaha dan komited dalam memperkasakan pengawalseliaan sektor tenaga di Malaysia, khususnya industri pembekalan elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

“ST ingin mengambil kesempatan ini untuk turut mengucapkan terima kasih atas dedikasi, komitmen dan kerjasama semua warga ST serta Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) dan pemegang taruh untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan negara,” katanya.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.



**\*\*\*TAMAT\*\*\***

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011 28866271 (Hazwani) / 018 3822545 (Harith)*

*Emel: [veliana@st.gov.my](mailto:veliana@st.gov.my) / [noorhazwani@st.gov.my](mailto:noorhazwani@st.gov.my) / [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.